

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 2 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYCITE

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



PERANAN TUAN HAJI HASSAN BIN ISMAIL DALAM PENYUNTINGAN MANUSKRIP AL- QURAN SUMBAWA

The Role of Shaykh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail in the
Editing of the Sumbawa Qur'anic Manuscript

Mohd Nazir Kadir^{*1,2}, Mohd Faizulamri Mohd Saad¹, Mohd Hakim Mothar Rijan³,
Shaharuddin Saad⁴, Muhammad Zubair Md Sah⁵ & Syamimi Md Salleh¹

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor,
Malaysia

² Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim, 80350 Johor Bahru, Malaysia

³ Universiti Islam Melaka, Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.

⁴ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor,
Malaysia.

⁵ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan,
Malaysia.

*Corresponding author: nazir@kuijsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1002-03>

Article history

Received: 28/10/2025

Revised: 22/11/2025

Accepted: 03/12/2025

Published: 30/12/2025

Abstrak

Tuan Haji Hassan bin Ismail merupakan tokoh al-Quran yang berwibawa dalam sejarah perkembangan ilmu al-Quran di Malaysia justeru beliau digelar sebagai Sheikh al-Muqari'. Kajian ini menelusuri sumbangan beliau terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa yang telah disalin oleh Haji Ismail bin al-Sawi al-Jawi al-Bugisi al-Manpawaba al-Buni pada tahun 1273H. Fokus utama diberikan kepada usaha penyuntingan yang dilakukan oleh beliau terhadap manuskrip tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis tekstual, berdasarkan pemerhatian langsung terhadap manuskrip asal serta sokongan data sekunder daripada sumber rujukan dari kitab qiraat dan rasm. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sheikh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail telah melaksanakan proses penyuntingan kritis terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa melalui tiga tumpuan utama iaitu aspek rasm, *dabt* dan qiraat. Analisis terhadap tampalan kertas, pembetulan huruf, penandaan hamzah, penambahan titik serta pelarasan rasm 'Uthmānī menggunakan dakwat merah membuktikan bahawa beliau menggantikan bahagian ayat yang salah dengan teks yang disemak semula berdasarkan mushaf Mesir 1924. Dapatan ini mengesahkan bahawa penyuntingan beliau bukan sekadar pembetulan teknikal tetapi merupakan usaha suntingan bersistematik yang meningkatkan ketepatan, kesahihan dan nilai akademik manuskrip tersebut sebagai sumber primer dalam kajian penyalinan al-Quran di Alam Melayu. Kesimpulannya, penyuntingan sistematik oleh Shaykh al-Muqari' berfokus pada rasm, *dabt* dan qiraat, seterusnya mengukuhkan kesahihan, ketepatan serta meningkatkan nilai akademik manuskrip al-Quran Sumbawa sebagai sumber primer penting dalam tradisi penyalinan al-Quran di Alam Melayu.

Kata Kunci: Tuan Haji Hassan bin Ismail; manuskrip al-Quran; Sumbawa; Qiraat; arkib negara

Abstract

Tuan Haji Hassan bin Ismail is a distinguished Qur'anic scholar in the history of Qur'anic studies in Malaysia, and thus he is known as *Sheikh al-Muqari'*. This study traces his contributions to the Sumbawa Quran manuscript, which was originally copied by Haji Ismail bin al-Sawi al-Jawi al-Bugisi al-Manpawaba al-Buni in 1273H. The main focus is on the editorial work carried out by Shaykh al-Muqari' on this manuscript. The study employs a qualitative approach through textual analysis, based on direct observation of the original manuscript and supported by secondary data from references on qiraat and rasm. The findings indicate that Shaykh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail conducted a critical editorial process on the Sumbawa Quran manuscript, focusing on three main aspects: rasm, *ḍabt* and qiraat. Analysis of paper patches, letter corrections, hamzah markings, addition of dots and adjustments to the 'Uthmani rasm using red ink demonstrates that he replaced erroneous portions of the text with carefully verified passages based on the 1924 Egyptian Mushaf. These findings confirm that his editorial work was not merely a technical correction but a systematic approach that enhanced the accuracy, authenticity and academic value of the manuscript as a primary source in the study of Quranic transcription in the Malay world. In conclusion, the systematic editing by Shaykh al-Muqari' focused on rasm, *ḍabt*, and qiraat, thereby reinforcing the authenticity, precision and academic significance of the Sumbawa Quran manuscript as an important primary source in the tradition of Quranic transcription in the Malay world.

Keywords: Tuan Haji Hassan bin Ismail; Qur'anic Manuscript; Sumbawa; Qiraat; National archives

PENGENALAN

Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang menjadi panduan hidup serta rujukan utama dalam membentuk akidah, ibadah dan akhlak. Sejak awal penurunannya, usaha menjaga keaslian dan kesahihannya telah diberi perhatian melalui hafazan para huffaz dan penyalinan naskhah bertulis. Usaha penyalinan ini bukan sahaja bertujuan menyebarkan wahyu Ilahi, malah mencerminkan kecintaan umat Islam dalam menjaga keutuhan teks al-Quran agar terhindar daripada sebarang bentuk penyelewengan. Di Alam Melayu, tradisi penyalinan al-Quran berkembang seiring dengan kedatangan Islam dan menjadi medium penting dalam memperkukuh kefahaman agama masyarakat setempat. Manuskrip-manuskrip al-Quran yang dihasilkan bukan sekadar berperanan sebagai teks bacaan, bahkan turut menampilkan keindahan seni khat, rasm dan iluminasi. Keistimewaan manuskrip Nusantara terserlah melalui penggunaan kaligrafi, hiasan jidar serta corak tempatan yang memadukan warisan budaya dengan nilai kerohanian (Hasnul, 2013). Oleh itu, manuskrip-manuskrip tersebut menjadi sumber penting dalam memahami sejarah keilmuan, agama dan kesenian Islam di rantau ini, selain membuktikan kekayaan tradisi intelektual yang diwarisi. Pada masa kini, sebahagian besar koleksi manuskrip ini tersimpan di institusi seperti muzium, galeri Islam, dan masjid, manakala ada juga yang masih dipelihara sebagai khazanah peribadi ahli waris (Yakib et al., 2014).

Antara manuskrip bernilai tinggi di rantau ini ialah naskhah al-Quran Sumbawa yang telah disalin oleh Haji Ismail bin al-Sawi pada tahun 1273H. Naskhah tersebut memperlihatkan ketelitian penyalinan yang berpandukan prinsip rasm dan qiraat yang diiktiraf ulama. Selain itu, ia turut menggambarkan jaringan ilmu dan budaya Islam yang berkembang di Nusantara, khususnya hubungan antara kepulauan Sumbawa dengan pusat ilmu Islam di dunia. Kajian terhadap manuskrip ini bukan sahaja menyingkap aspek penyalinan teks al-Quran, tetapi juga membuka

ruang penelitian tentang nilai sejarah, budaya serta sumbangan tokoh yang berperanan dalam memelihara warisan suci ini (Makmur et al., 2019; Salmah et al., 2020).

Walaupun banyak kajian menumpukan pada aspek fizikal dan keindahan manuskrip al-Quran di Alam Melayu, peranan ulama tempatan seperti Shaykh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail dalam menyemak, membetulkan dan mengekalkan ketepatan teks al-Quran Sumbawa masih kurang diberi perhatian. Justeru, kajian ini relevan dan penting untuk menganalisis kesinambungan penyuntingan dan pemeliharaan ketulenan teks al-Quran di rantau ini.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan pendekatan analisis tekstual dan perbandingan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa dengan semakan yang dilakukan oleh Syeikh al-Muqārī' melibatkan aspek rasm, qiraat dan *dabt al-Quran* dengan berpandukan mushaf cetakan Mesir 1924 yang diketuai oleh Syeikh Muḥammad 'Alī Khalaf al-Ḥusaynī al-Ḥaddād sebagai rujukan utama. Melalui pendekatan ini, dapat dikenal pasti kaedah suntingan yang diterapkan serta peranan signifikan beliau dalam memastikan ketepatan penyalinan dan keseragaman bentuk tulisan. Pendekatan analisis ini bukan sahaja menyingkap sumbangan beliau terhadap disiplin ilmu al-Quran, malah memperlihatkan kesinambungan tradisi pentashihan mushaf di Alam Melayu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian literatur ini menyorot latar belakang Sheikh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail, seorang tokoh ulama berwibawa dalam bidang qiraat dan ilmu al-Quran di negeri Johor. Kedudukannya sebagai *Syaikh al-Maqari'* menjadikan beliau tokoh yang berautoriti dalam memastikan ketepatan bacaan dan penulisan al-Quran. Antara sumbangan penting beliau ialah usaha tahkik atau suntingan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa, khususnya melibatkan aspek rasm, *dabt* dan qiraat. Usaha ini bukan sahaja memastikan manuskrip tersebut terpelihara daripada kesilapan, malah memperlihatkan ketelitian serta kearifan beliau dalam menjaga keaslian teks al-Quran, sekali gus meneguhkan kedudukan Johor sebagai pusat kecemerlangan ilmu al-Quran pada zamannya.


Pengenalan Manuskrip al-Quran Sumbawa

Manuskrip al-Quran Sumbawa merupakan sebuah mushaf tulisan tangan yang disalin oleh seorang tokoh bernama Haji Ismail bin al-Sawi al-Jawi al-Bugisi al-Manpawaba al-Buni, sebagaimana dinyatakan dalam catatan berbahasa Arab pada halaman kolofon di bahagian akhir manuskrip. Naskhah ini terdiri daripada 602 halaman yang memuatkan keseluruhan teks al-Quran bermula daripada surah *al-Fāṭihah* hingga surah *al-Nās*, dengan pembahagian yang secara umum meliputi 20 halaman bagi setiap juz kecuali juz ke-30 yang mempunyai 22 halaman. Perbezaan ini berpunca daripada susunan dua surah terakhir iaitu *al-Falaq* dan *al-Nās*, yang ditulis secara berasingan pada dua halaman berlawanan (kanan dan kiri). Susun atur ini mengekalkan tradisi penulisan mushaf, di mana surah *al-Fāṭihah* dimulai pada bahagian kanan, manakala surah *al-Baqarah* dimulai di bahagian kiri, bermula pada ayat 1 hingga 4. Dari segi format, manuskrip ini menggunakan susunan 15 baris pada setiap halaman sepertimana kebanyakan manuskrip al-Quran di Alam Melayu.

Berdasarkan kajian terhadap keratan kertas bertampal di bahagian akhir manuskrip, diketahui bahawa naskhah ini ditemukan di Masjid Teluk Sengat, Pengerang (kini *Masjid Jamek Teluk Sengat*, Jalan Siakap, Kota Tinggi) iaitu pada tahun 1949. Ia dijumpai oleh pegawai masjid dan seterusnya diserahkan ke Perpustakaan Agama, Johor Bahru (ketika itu dikenali sebagai *Kutubkhanah Mufti Johor*). Seterusnya dalam surat rasmi bertajuk 'Quran Telok Sengat' yang dikirim

oleh Penjaga Kutubkhanah Mufti (Jabatan Mufti Johor) di bawah seliaan Haji Sa'id bin Haji Abdul Hadi, bertarikh 7 Oktober 1964, dinyatakan bahawa pihaknya telah meminta Syekh al-Muqari' (al-Maqari') Tuan Haji Hassan untuk menyemak mushaf tersebut. Surat ini menjadi bukti penting pengiktirafan dan pengesahan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa oleh pihak berautoriti agama negeri Johor.

Rajah 1: Keratan surat rasmi yang bertajuk 'Quran Telok Sengat'
Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



Latar Belakang Sheikh Al-Muqari' Tuan Haji Hassan Bin Ismail

Maklumat berkaitan latar belakang Shaykh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail agak terhad dalam sumber-sumber sedia ada. Namun begitu, satu kajian komprehensif telah dilakukan oleh Abd. Mutalip Abd. Rahim (2008), yang memperincikan asal-usul serta sumbangan tokoh ini. Beliau dilahirkan pada 11 Februari 1916 di Kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor. Pada usia 10 tahun, beliau bertemu dengan Shaykh Jamil al-Banjari, seorang ulama Arab yang datang ke Tanah Melayu sebagai pembimbing jemaah haji. Atas persetujuan bapanya, beliau berangkat ke Mekah pada tahun 1926 untuk menuntut ilmu (Abd. Mutalip, 2008).

Pengajian beliau bermula di Masjid al-Haram dan Madrasah Dar al-'Ulum al-Diniyyah di Mekah (1930–1936), sebelum melanjutkan pengajian khusus dalam bidang qiraat di Madrasah al-Tajwid wa al-Qira'at al-Salabiyyah, Kaherah, sehingga tahun 1940. Di situ, beliau memperoleh ijazah dan syahadah dalam bidang tajwid dan qiraat. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Maahad Qiraat Shoubra (1940–1945) dan dianugerahkan ijazah *Qira'at 'Asyarah Sughra* oleh gurunya, seorang qari masyhur Masjid Saidi 'Ali Zainal Abidin. Gurunya telah memberikan pengiktirafan rasmi dengan menyatakan bahawa beliau layak mengajar ilmu tersebut sebagaimana yang telah dipelajari (Abd. Mutalip, 2008).

Al-Jufri (2012) melaporkan bahawa pada akhir tahun 1946, Tuan Haji Hassan pulang ke tanah air dan diiktiraf sebagai *Shaykh al-Muqari'* oleh Universiti al-Azhar, satu gelaran istimewa yang jarang diberikan kepada anak Melayu pada waktu itu. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Johor dan seterusnya sebagai kadi di beberapa daerah termasuk Mersing, Kluang dan Kota Tinggi sebelum kembali bertugas di Johor Bahru sekitar tahun 1960-an. Dalam bidang al-Quran, beliau turut berperanan sebagai jurulatih negeri Johor dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan. Kepercayaan tinggi terhadap kemahirannya dapat dilihat apabila beliau dipilih sebagai pentahqiq bagi sebuah manuskrip al-Quran berusia lebih 100 tahun (Mohd Nazir et al., 2020). Kepakarannya dalam bidang qiraat turut diiktiraf melalui penganugerahan gelaran *Shaykh al-Qurra'* oleh masyarakat.


Antara tokoh utama yang menjadi guru beliau termasuk bapanya sendiri, Tuan Haji Ismail bin Yusof, Sheikh Abdullah bin Qasim Sanggora, dan dua anak beliau: Sheikh Muhammad Nur dan Sheikh Yahya. Selain itu, beliau turut berguru dengan Sheikh 'Amir bin al-Sayyid bin 'Uthman al-Masri al-Azhari dan Sheikh Muhammad bin Sulayman al-Sa'idi al-Shindili al-Azhari, yang memberikan beliau ijazah *Qira'at 'Asyarah Sughra* secara lengkap (Abd. Mutalib, 2008).

Sumbangan beliau tidak hanya terhad dalam bidang pentadbiran dan pendidikan, malah turut menonjol dalam seni tarannum dan penjurian tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Keahliannya dalam tarannum turut dizahirkan melalui penulisan yang diterbitkan dalam Majalah Warta Jabatan Agama Johor bil. 127 (Mohd Hasbie al-Shiddique et al., 2023). Keseluruhan usaha dan sumbangannya telah meletakkan beliau sebagai tokoh unggul dalam sejarah pendidikan Islam dan al-Quran di Malaysia.

Peranan Terhadap Manuskrip Al-Quran Sumbawa

Peranan Sheikh al-Muqri' Tuan Haji Hassan terhadap manuskrip al-Quran Sumbawa dapat dikenal pasti melalui usaha penyuntingan yang dilakukannya, khususnya menerusi penambahan teks tampalan pada hampir setiap halaman. Hasil pemerhatian terhadap tampalan kecil yang terletak di bahagian luar jidar menunjukkan bahawa sebahagian besar halaman memuatkan kertas tampalan yang bertulisan taip, selain terdapat juga beberapa tampalan yang ditulis tangan.


Rajah 2: Teks bertampal tulisan tangan
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



Berdasarkan pemerhatian terhadap kertas tampalan tersebut, kajian ini mendapati penyuntingan yang dilakukan merangkumi tiga aspek iaitu (1) rasm dan (2) *dabt al-Qur'an* iaitu tanda bacaan dan (3) qiraat. Aspek rasm adalah bentuk tulisan dan ejaan huruf-huruf al-Quran yang diperbetulkan atau ditambah bagi menepati kaedah penulisan mushaf. Kedua, *dabt al-Qur'an* iaitu satu disiplin ilmu yang berkaitan tanda-tanda bacaan seperti tanda *sukun*, sabdu serta hamzah dan yang ketiga, qiraat iaitu perbezaan cara bacaan yang mutawatir dalam ilmu qiraat, sama ada melibatkan perbezaan pada huruf atau baris. Ketiga-tiga aspek ini menunjukkan bahawa penyuntingan tersebut bukan sahaja bersifat teknikal tetapi juga menzahirkan kepakaran penyunting dalam disiplin ilmu al-Quran yang lebih mendalam.

1. Aspek *rasm*

Rajah 3: Surah *al-Fatihah*, ayat ke-2, 6 dan 7
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



Bagi memperjelas sampel imej di atas, dapat diperhatikan bahawa terdapat tiga tampalan pada bahagian luar jidar halaman kanan yang masing-masing merujuk kepada perkataan **الْعَالَمِينَ** ayat ke-2, **الصِّرَاطِ** ayat ke-6 dan **صِرَاطِ** ayat ke-7. Manakala penggunaan warna dakwat adalah hitam dan merah. Berdasarkan teks utama ayat al-Quran perkataan **الْعَالَمِينَ**, **الصِّرَاطِ** dan **صِرَاطِ** yang ditulis dengan *ithbat* alif. Oleh yang demikian bagi mendapat penjelasan berdasarkan perbincangan ilmu *Rasm Uthmani*, ulama rasm sepakat mengatakan kalimah (الْعَالَمِينَ) ditulis tanpa alif. Namun bagi kalimah (الصِّرَاطِ) dan (صِرَاطِ) pula, ulama rasm berselisih pendapat sama ada *ithbat*

alif atau *bazf* (Ghānim Qaddūri, 2016; Abū Zaithar, 2009). Oleh itu kedua-dua kaedah penulisan tersebut masih dalam ruang lingkup *Rasm 'Uthmāni*. Kenyataan ini dikukuhkan lagi sebagaimana yang disebut oleh al-Kharrāz dalam qasidahnya, *Maurid al-Zam'an* (Abū Zaithar, 2019):

وَفِي صِرَاطٍ خُلْفُهُ ...

Maksud: “Dan pada kalimah (صِرَاط) para ulama berkhilaf ...”.


Manakala kalimah kedua pula penyalin menulis dengan *ithbāt* alif selepas huruf lam pada perkataan  surah *al-Baqarah*: 34. Teks bertampal pula ditulis *bazf* alif selepas lam: . Bagi mengukuhkan perbincangan ini, pengkaji menampilkan satu kesimpulan yang telah dihimpunkan oleh al-Kharrāz (2009) dengan menyenaraikan 23 kalimah *bazf* alif apabila berdekatan dengan huruf lam sepertimana yang terdapat dalam kitab *al-Muqni'*. Sebagai contoh perkataan (خَلَّافٌ), surah *al-A'ām*: 165 dan (ثَلَاثَةٌ) seperti dalam surah *al-Baqarah*: 196 & 228 serta kalimah (مَلَكٌ) di seluruh al-Quran. Oleh itu perkataan yang tidak menepati kaedah *rasm 'uthmāni* adalah  sahaja yang ditulis secara *ithbāt* alif. Manakala mengekalkan alif pada  dan  adalah berdasarkan aliran mazhab Abū 'Amr al-Dāniy sebagaimana yang terdapat pada Mushaf al-Qur'an Standar Indonesia.

Rajah 4: Mushaf al-Qur'an Standar Indonesia
Sumber: Mushaf al-Quran al-Majid.



Perbezaan antara teks asal manuskrip dengan teks tampalan yang dilakukan oleh penyunting wujud kerana proses penyalinan ayat al-Quran dalam manuskrip-manuskrip Melayu lazimnya menunjukkan variasi, sama ada menepati *Rasm 'Uthmāni* sepenuhnya atau mengandungi unsur percampuran antara kaedah penulisan yang berbeza (Jonni Syatri, 2012). Manakala teknik penyuntingan yang diterapkan merujuk kepada mushaf cetakan Mesir, selaras dengan aliran mazhab Abū Dāud. Perkara ini dapat disokong oleh kenyataan penyunting yang termaktub dalam keratan surat rasmi yang ditujukan kepada Tuan Setiausaha Jabatan Agama Johor seperti berikut:


Rajah 5: Surat rasmi Shaykh al-Maqari' kepada tuan Setiausaha Jabatan Agama Johor.
Sumber: Arkib Negara Malaysia, Johor Bahru




Penumpuan boleh dilakukan pada petikan berikut: "...kiranya tuan suka hendak mendapat keterangan yang lebih lanjut lagi daripada kenyataan... bolehlah tuan bandingkan Quran Pengerang ini dengan Quran Mesir yang bersain dan diakui oleh...". Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa kaedah penyuntingan yang dilaksanakan adalah berasaskan rujukan kepada mushaf cetakan Mesir berkenaan. Mushaf Mesir pertama yang telah ditandatangani oleh Sheikh Muhammad 'Ali Khalaf al-Husainiy al-Haddād, iaitu mantan *Syaikh al-Maqari*' kerajaan Mesir, atau mushaf keduanya yang ditandatangani oleh *Taj al-Qurra*' Sheikh Muhammad Ali al-Dabba', iaitu mantan wakil *Syaikh al-Maqari*' kerajaan Mesir.

Seterusnya contoh ayat ke-83 surah al-Baqarah pada perkataan  dengan *itbbāt* alif selepas huruf ta'. Manakala ayat ke-178 mendapati penyalin telah menulis perkataan (فِي (آلَ قَتَ لِي) tanpa ya' selepas huruf lam: . Malah kedua-dua perkataan tersebut diberi bentuk bulat dengan dakwat berwarna merah sebagai isyarat berlakunya kesilapan semasa proses penyalinan al-Quran. Aktiviti tersebut berkemungkinan besar dilakukan oleh *Syaikh al-Maqari*' Hassan bin Ismail semasa proses penyuntingan manuskrip berkenaan.

Rajah 6: (a) Surah al-Baqarah, ayat ke-83; (b) Surah al-Baqarah, ayat ke-178
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



(a)



(b)

Merujuk kepada perbincangan ulama rasm seperti al-Daniy, Abu Daud, al-Shatibiy dan al-Kharraz, perkataan (وَالَّذِينَ) ditulis secara *hazf* alif. Manakala perkataan (آلَ قَتَ لِي) menurut Abū Dāud, perkataan tersebut ditulis dengan ya' sebagai *badal* dari alif (Al-Himyariy, 2015). Oleh itu, kedua-dua perkataan tersebut didapati tidak menepati kaedah *Rasm Uthmani* sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama rasm. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat penyimpangan daripada bentuk tulisan yang disepakati dalam tradisi penulisan mushaf, sama ada dari segi penambahan atau penguguran huruf, perubahan ejaan atau kaedah penulisan tertentu yang tidak selaras dengan piawaian rasm yang ditetapkan sejak zaman Khalifah Uthman ibn 'Affan RA. Keadaan ini memberi indikasi bahawa penyalin mungkin berhadapan dengan kekangan tertentu, sama ada berpunca daripada kekhilafan penyalinan, pengaruh tempatan ataupun kerana faktor keterbatasan ilmu rasm yang mendalam.

2. Aspek *Dabt*

Rajah 7: (a) Surah al-Baqarah, ayat ke-13; (b) Surah al-Baqarah, ayat ke-31
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



(a)

(b)


Analisis terhadap kedua-dua sampel imej menunjukkan bahawa penyunting telah melakukan suntungan terhadap perkataan tertentu dengan penambahan tanda hamzah. Contohnya, hamzah ditambah di atas huruf *wau* pada perkataan  dan  dengan penambahan tanda hamzah di atas huruf *wau* pada perkataan (وَاللَّهُ) dan bawah huruf *alif* pada (إِنْ). Manakala bagi perkataan (الْأَسْفَهَاءُ) penambahan tanda hamzah di atas huruf *alif* pada (أَلَا). Kesemua tanda hamzah ini ditulis menggunakan dakwat berwarna merah untuk membezakan dengan tulisan asal, menunjukkan kepentingan visual dalam menandakan perbezaan bacaan.

Fenomena ini selaras dengan pendekatan kontemporari dalam *dabt al-Qur'an* yang menekankan penggunaan tanda visual bagi membezakan bacaan. Ghanim Qadduri (2016) menyatakan bahawa ulama *dabt* moden menggunakan perbezaan warna untuk membezakan bacaan *tahqiq* dan *tashil*, di mana bacaan *tahqiq* ditandai dengan titik kuning dan bacaan *tashil* dengan titik merah. Muhammad Salim Muhaisin (2002) menegaskan bahawa bentuk penandaan ini mengikut pendapat pertama, menggunakan istilah (نقطة مدور), manakala Ghanim Qadduri hanya menggunakan istilah (نقطة). Tambahan pula, al-Tanasiy (1420H) dan Muhammad Sālim Muhaisin (2002) menunjukkan bahawa bentuk titik ini serupa dengan tanda titik bagi *al-Ijam* (الإعجام).

Selain itu, penggunaan huruf 'ain kecil (عين صغيرة) sebagai tanda bacaan yang merupakan tradisi aliran ahli Nahu dan penulis rasmi pemimpin, menunjukkan variasi dalam teknik penandaan. Ghanim Qadduri (2016) menambah bahawa huruf 'ain boleh dibuang bahagian bawahnya sehingga membentuk seperti (ء) yang mana selaras dengan tujuan menandakan bacaan tertentu tanpa mengganggu tulisan asal. Berdasarkan perbincangan ini, penambahan tanda hamzah dengan dakwat merah dalam sampel kajian bukan sahaja bertujuan memperbetul bacaan tetapi juga selaras dengan tradisi dan teori kontemporari dalam *dabt al-Qur'an*, khususnya dalam membezakan bacaan dan mengekalkan ketepatan teks.

Selain itu, suntungan juga dilakukan terhadap huruf yang ditulis tanpa titik seperti pada kalimah (أَلْفُرَّجَى), (أَلْفُرَّجَى) dan (بَلَى). Ini sebagaimana dalam rajah 8 berikut:

Rajah 8: (a) Surah *al-Baqarah*, ayat ke-81; (b) Surah *al-Baqarah* ayat ke-83
Sumber: Koleksi Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



(a)



(b)

3. Aspek Qiraat

Berikut ialah contoh perkataan bertampal yang berkaitan dengan perbahasan qiraat pada bahagian luar jidar bagi surah *al-Baqarah* ayat 93. Berdasarkan perbincangan dalam *qira'at sab'ah*, perkataan tersebut dibaca oleh imam Abū 'Amr dengan memberikan baris bawah pada huruf *ha'* dan *mim*.

Sebaliknya, imam Hamzah dan al-Kisa'i membaca kedua-dua huruf tersebut dengan baris depan, selaras dengan kaedah bacaan mereka dalam riwayat masing-masing:

Rajah 9: Surah *al-Baqarah*, ayat ke-93
Sumber: Arkib Negara Malaysia Negeri Johor



Huraian tersebut secara langsung memperlihatkan bahawa Sheikh al-Maqāri' Tuan Haji Hassan telah menjalankan tugas penyemakan dan penandaan wajah qiraat dengan penuh ketelitian dan keilmuan. Keupayaannya mengenal pasti perbezaan bacaan antara imam-imam *qirā'at sab'ah* tersebut mencerminkan sifat teliti, sistematik dan berautoriti dalam memastikan ketepatan bacaan yang direkodkan pada manuskrip. Usaha beliau menampal perkataan tertentu di bahagian luar jidar, lengkap dengan penjelasan variasi baris dan kaedah bacaan, turut menggambarkan komitmen tinggi dalam memelihara integriti teks serta menyediakan panduan bacaan yang sah kepada para pembaca al-Quran.

KESIMPULAN

Sheikh al-Muqari' Tuan Haji Hassan bin Ismail telah memberikan sumbangan signifikan terhadap kelestarian dan ketepatan manuskrip al-Quran Sumbawa, khususnya melalui usaha penyemakan terhadap teks yang telah disalin. Walaupun beliau bukan penyalin asal manuskrip tersebut, penglibatan aktif beliau dalam memperbetulkan kesilapan melalui penampalan ayat yang tepat serta pemadanan semula dengan cetakan al-Quran rasmi Mesir 1924 membuktikan tingkat kompetensi dan autoriti keilmuannya. Hasil penelitian menunjukkan bahawa proses tahkik yang dijalankan menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu rasm, *dabt* dan qiraat yang selaras dengan disiplin ilmu al-Quran. Pendekatan ini bukan sahaja mencerminkan metodologi kritis dan ketelitian beliau dalam menilai kesahihan teks, bahkan memperlihatkan penguasaan mendalam terhadap ilmu-ilmu quranik serta kesungguhannya dalam memastikan integriti kandungan manuskrip.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa Sheikh al-Muqari' Tuan Haji Hassan telah memberikan satu model yang jelas tentang bagaimana ulama tempatan berperanan dalam memelihara ketulenan manuskrip al-Quran melalui kaedah penyemakan yang sistematik dan berasaskan disiplin ilmu yang mapan. Usaha beliau juga mengesahkan bahawa tradisi penyuntingan di Alam Melayu bukan bersifat pasif tetapi berkembang melalui jaringan ulama yang berautoriti serta berhubung dengan sumber-sumber standard antarabangsa seperti cetakan Mesir 1924. Di samping itu, hasil kajian ini menonjolkan kepentingan penyemak sebagai aktor penting dalam kesinambungan tradisi penyalinan al-Quran, sekali gus memberikan nilai tambah terhadap kajian tekstual dan kodikologi al-Quran di rantau ini.

Bagi kajian lanjutan, beberapa ruang penyelidikan boleh diteruskan, antaranya kajian komparatif antara kaedah penyuntingan Sheikh al-Muqari' Tuan Haji Hassan dengan tokoh-tokoh *muqri'* lain di Nusantara bagi membina kerangka metodologi tempatan yang lebih jelas. Penyelidikan juga boleh diperluas dengan mengkaji manuskrip al-Quran lain yang turut menerima intervensi ulama, bagi menilai sejauh mana konsistensi teknik penyuntingan di digunakan dalam tradisi penulisan manuskrip al-Quran di Alam Melayu. Selain itu, kajian filologi yang lebih mendalam melibatkan variasi rasm, *dabt* dan qiraat dalam manuskrip tempatan berpotensi memperkayakan pemahaman terhadap evolusi disiplin qiraat dan amalan penyalinan al-Quran di Alam Melayu secara keseluruhan.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian hasil kajian di bawah penyelidikan Doktor Falsafah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Terima kasih juga kepada Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim atas kemudahan penyelidikan yang disediakan.

SUMBANGAN PENGARANG

Konsep, reka bentuk, dapatan, perbincangan, kemas, analisis data, perbincangan & penyuntingan adalah hasil kerja bersama semua ahli kumpulan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Hanya alat Kecerdasan Buatan (AI) ChatGPT sahaja yang digunakan untuk perkembangan idea dan struktur ayat. Idea asal, isi kandungan, data dan bahan utama adalah daripada hasil kajian penyelidikan sendiri.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abd Latif Juffri @ Al-Jufri, A. L., & Ahmad Bahru, M. (2012). *Tuan Guru Haji Mohd Yasin: Tokoh Ilmuan Islam Cemerlang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Mutalip, A. R. (2008). *Tuan Haji Hassan Bin Ismail: Sumbangannya terhadap pengajian al-Qur'an di Johor* (Disertasi Sarjana). Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abū Zaithar. (2009). *Laṭā'if al-Bayān fi Rasm al-Qur'an*. Tanta: Dār al-Ṣaḥābah.

Ahmad, M. H. A.-S., Baharuddin, A. M., & Mohammad, K. A. (2023). Peranan Haji Hassan Ismail dalam pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 19(1), 144–156.

Al-Himyariy, B. H. (2015). *Mu'jam al-Rasm al-'Uthmani*. Riyadh: Markaz al-Tafsir li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah.

Al-Tanasi, Abi 'Abdullah ibn Muhammad. 1420H. *al-Tarrāḡ fi Sharhi Dabṭ al-Kharṡāḡ*. Tahqiq. Ahmad, Ahmad Sharshal. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: t.pt.

Arkib Negara Malaysia Negeri Johor. (t.t.). *Manuskrip al-Quran Sumbawa*. Johor Darul Ta'zim.

Ghānim Qaddūri al-Hamad. (2016). *Al-Muyassar fi 'Ilmi Rasm al-Mushaf wa Dabṭi*. Cet. 2. Jeddah: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Qur'aniyyah.

Ghānim Qaddūri, A.H. (2016). *Al-Muyassar fi 'Ilmi Rasm al-Mushaf wa Dabṭi*. Jeddah: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma'lūmāt al-Qur'āniyyah.

Harun, M. H., Nor Abd Aziz, M. K., & Yahya, S. R. (2019). Historiografi manuskrip Hasnul. (2013). *Kajian Mushaf al-Quran di Indonesia*. Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an, Jakarta, Fakulti Ushuluddin Tafsir Hadis.

Jawi Nusantara: Analisis sejarah dalam *Tuhfat al-Nafis* dan *Sulalat al-Salat*. *Rumpun: Journal of Southeast Asian Community*, 3(2), 125–142.

Kadir, M. N., Azmi, R., Saad, M. F. M., Zainol, N. Z. N., & Yunus, M. A. M. (2020). A review on the manuscript of Turkish Quran YWJ68197MSI.4 in database management system (DBMS). *Journal of Quranic Sciences and Research*, 1(1), 34–41.

Manuskrip al-Quran Sumbawa. Arkib Negara Malaysia Negeri Johor. Wisma Persekutuan Johor Bahru.

Muhammad Salim, Muhaysin. 2002. *Irsyād al-Ṭālibin ilā Dabṭ al-Kitāb al-Mubīn*. Kaherah: Maktabah al-Maṭābi' al-Amīriyyah.

Noor Muhammad, S. J. (2020). Pemikiran Tengku Mariam dari aspek budaya dan sejarah dalam penulisan manuskrip Melayu koleksi Muzium Negeri Terengganu. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 26(1), 47–66.

- Syatri, J. (2012). Mushaf al-Qur'an kuno di Priangan: Kajian rasm, tanda ayat, dan tanda waqaf. *Subufi: Jurnal Pengkajian al-Qur'an dan Budaya*, 5(1), 43–64.
- Yakob, M. A., Yaakob, M. A. Z., & Abd Rahim, S. I. (2014). Manuskrip al-Quran dan ilmu-ilmunya ('Ulūm al-Quran) di Alam Melayu: Tumpuan terhadap manuskrip ilmu tajwid. Kertas kerja dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2014*, Kuala Lumpur.